


**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974  
(AKTA 133)**

**UNDANG-UNDANG KECIL  
AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN  
(MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN)  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1985**

**P.U.(A) 525/85**

**SENARAI PINDAAN :**

BIL.	NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)	TARIKH DIWARTAKAN	CATITAN
1	P.U.(A) 27/95		
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			



MALAYSIA

**Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

**HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE**

**PUBLISHED BY AUTHORITY**

Jil. 29  
No. 25

**5hb Disember 1985**

**TAMBAHAN No. 73  
PERUNDANGAN (A)**

**P.U. (A) 525.**

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL JALAN, PARIT DAN BANGUNAN  
(MENGOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN) (WILAYAH  
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1985

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 133 Akta *Akta 133*.  
Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Menteri membuat undang-undang  
kecil yang berikut:

1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Jalan, Parit dan Bangunan (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1985** dan hendaklah dipakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Nama dan pemakaian.
2. (1) Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 34, 52, 55, 56, 57, 58, 70, 70A, 71, 72, 73, 76, 78, 79 dan 80 Akta itu boleh dikompaun oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur atau oleh mana-mana Pegawai Undang-Undang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.  
  
(2) Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 29, 30, 31, 38, 39, 40, 41, 42, 46, 47, 82, 85 dan 87 Akta itu dan kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta itu boleh dikompaun oleh mana-mana orang yang tersebut dalam perenggan (1) atau oleh mana-mana Pembantu Undang-Undang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan orang-orang yang boleh mengkompaun.
3. (1) (a) Jumlah wang yang dikehendaki dipungut bagi mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah seksyen 29, 30, 31, 34, 38, 39, 40, 41, 42, 52, 55, 56, 57, 58, 70, 70A, 71, 72, 73, 76, 78, 79, 80, 82 dan 85 Akta itu dan kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta itu hendaklah tidak melebihi jumlah wang yang sama dengan lima puluh Jumlah wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran.

P.U.-(A) 27/95

~~peratus daripada~~ amanun maksima denda yang mana kesalahan itu boleh dihukum.

(b) Jumlah wang yang dipungut bagi mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah seksyen 46, 47 dan 87 di bawah Akta itu hendaklah tidak melebihi lima ratus ringgit.

(2) Pembayaran wang itu mestilah dibuat secara tunai, atau secara kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan dipalang dengan "Akaun Penerima Sahaja".

(3) Bayaran boleh dibuat di Tingkat Bawah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut, 50732 Kuala Lumpur, tetapi, jika dihantar melalui pos, ianya mestilah dialamatkan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Peti Surat 11022, Kuala Lumpur.

(4) Tiap-tiap pembayaran yang diterima mestilah dikira sebagai wang kepunyaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan suatu resit rasmi mestilah dikeluarkan baginya kepada orang yang telah diberi tawaran mengkompaun itu.

Borang bagi  
tawaran meng-  
kompaun.

Pemansuhan.  
P.U. (A)  
31/77.

4. Borang dalam Jadual mestilah digunakan bagi membuat suatu tawaran mengkompaun tetapi boleh diubahsuai sebagaimana yang perlu.

5. Undang-undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) (Wilayah Persekutuan) Jalan, Parit dan Bangunan 1977 adalah dimansuhkan.

#### JADUAL

(Undang-undang kecil 4)

#### TAWARAN MENGKOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada :

.....  
.....  
.....

\*Tuan/Puan,

Rujukan.....

Menurut \*maklumat/aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa \*tuan/puan telah melakukan kesalahan yang berikut:

Peruntukan undang-undang yang berkaitan.....

Tarikh..... Waktu.....

Tempat.....

Butir-butir kesalahan.....

.....

2. \*Tuan/puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa menurut kuasa yang diberi kepada saya oleh Undang-Undang Kecil Jalan, Parit dan Bangunan (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1985, saya bersedia dan

dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran wang sebanyak \$.....(Ringgit.....) Jika tawaran ini diterima, pembayaran mestilah dibuat dengan wang tunai, atau secara kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank, atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan dipalang "Akaun Penerima Sahaja", Pembayaran melalui pos mestilah dialamatkan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Peti Surat 11022, Kuala Lumpur. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila dibayar.

3. Tawaran ini akan habis tempoh pada..... Jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut tiada apa-apa langkah pembicaraan selanjutnya akan diambil terhadap \*tuan/puan berhubung dengan kesalahan itu. Jika tidak langkah-langkah akan diambil bagi menjalankan pendakwaan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh pada.....haribulan....., 19.....

†.....

† Hendaklah ditandatangani oleh orang yang diberikuasa mengkompaun, yang nama dan nama jawatannya mestilah dinyatakan di bawah tandatangannya.

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR,  
PETI SURAT 11022,  
KUALA LUMPUR.

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu kesalahan di bawah rujukan.....dan bertarikh..... Saya terima tawaran itu dan sertakan bersama ini \*kiriman wang/wang pos/pesanan bank/draf bank No.....bagi sebanyak \$..... bagi menjelaskan kompaun itu.

Tandatangan.....

Nama (huruf besar).....

Alamat.....

Tarikh.....

\* Potong di mana sesuai.

Diperbuat pada 14hb November 1985.  
[PHEU<sup>2</sup>. 47/82; PN. (PU<sup>2</sup>) 252 Pt. III.]

DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD,  
Menteri Wilayah Persekutuan

## STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (COMPOUNDING OF OFFENCES)  
(FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) BY-LAWS 1985*Act 133.*

IN exercise of the powers conferred by section 133 of the Street, Drainage and Building Act 1974, the Minister makes the following by-laws :

Citation and application.

1. These By-laws may be cited as the **Street, Drainage and Building (Compounding of Offences) (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-laws 1985** and shall apply only to the Federal Territory of Kuala Lumpur.

Compoundable offences and persons who may compound.

2. (1) Offences under sections 34, 52, 55, 56, 57, 58, 70, 70A, 71, 72, 73, 76, 78, 79 and 80 of the Act may be compounded by the Commissioner of the City of Kuala Lumpur or by any Legal Officer of the Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

(2) Offences under sections 29, 30, 31, 38, 39, 40, 41, 42, 46, 47, 82, 85 and 87 of the Act and offences under any by-laws made under the Act may be compounded by any of the persons mentioned in paragraph (1) or by any Legal Assistant of the Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Sum to be collected and mode of payment.

*P.U.(A) 27/95*not exceed ~~a sum equal to fifty per centum of~~ the maximum amount of a fine with which the offence is punishable.

(b) The sum of money to be collected for compounding any of the offences under sections 46, 47 and 87 of the Act shall not exceed five hundred ringgit.

(2) Payment of the sum must be made in cash, or by money order, postal order, cashier's order, banker's order or banker's draft made payable to the Commissioner of the City of Kuala Lumpur and crossed "Account Payee Only".

(3) Payment may be made at the Ground Floor, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut, 50732 Kuala Lumpur, but, if sent by post, must be addressed to the Commissioner of the City of Kuala Lumpur, P.O. Box 11022, Kuala Lumpur.

(4) Every payment received must be accounted for as money belonging to the Dewan Bandaraya Kuala Lumpur and an official receipt must be issued for it to the person to whom the offer to compound was made.

Form for offer to compound.

4. The form in the Schedule must be used for making an offer to compound but may be modified as necessary.

Repeal.  
P.U. (A)  
31/77.

5. The Street, Drainage and Building (Compounding of Offences) (Federal Territory) By-laws 1977 are repealed.

SCHEDULE  
(By-law 4)

OFFER TO COMPOUND AN OFFENCE

To:

.....  
.....  
.....

\*Sir/Madam,

Reference.....

It appears to me, on \*information/complaint received, that you have committed the following offence:

Relevant provision of the law.....

Date..... Time.....

Place.....

Particulars of offence.....

.....  
.....

2. You are hereby informed that, by virtue of the authority conferred on me by the Street, Drainage and Building (Compounding of Offences) (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-laws 1985, I am prepared and hereby offer to compound the offence for the sum of \$.....(Ringgit.....) If this offer is accepted, payment must be made in cash, or by money order, postal order, cashier's order, banker's order or banker's draft made payable to the Commissioner of the City of Kuala Lumpur and crossed "Account Payee Only". Payment by post must be addressed to the Commissioner of the City of Kuala Lumpur, P.O. Box 11022, Kuala Lumpur. An official receipt will be issued upon payment.

3. This offer will lapse on the..... If full payment of the sum stated above is received by or before the close of business on that date, no further proceedings will be taken against you in respect of the offence. Otherwise, prosecution will be instituted without further notice.

Dated this.....day of.....19.....

†.....

† To be signed by the person authorized to compound, whose name and designation must appear below the signature.

COMMISSIONER OF THE CITY OF KUALA LUMPUR,  
P.O. BOX 11022,  
KUALA LUMPUR.

I refer to the offer to compound an offence bearing reference .....and dated.....  
I accept the offer and enclose herewith \*money order/postal order/cashier's order/banker's order/banker's draft No.....for the sum of.....in full settlement of the compound.

Signature.....

Name (block letters).....

Address.....

Date.....

\* Delete wherever applicable.

Made the 14th November 1985.  
[PHEU<sup>2</sup>. 47/82; PN. (PU<sup>2</sup>) 252 Pt. III.]

DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD,  
*Minister of the Federal Territory*

**P.U. (A) 526.**

**AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

**KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN PREMIUM  
BAGI INSURANS KREDIT EKSPORT) 1985**

Akta 53.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 154 Akta Cukai Pendapatan 1967, Menteri membuat Kaedah-Kaedah yang berikut:


Nama dan  
mula ber-  
kuatkuasa.

Potongan.

1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Premium bagi Insurans Kredit Eksport) 1985** dan hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1986 dan tahun-tahun taksiran yang berikut.

2. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan seseorang dari sesuatu perniagaan di bawah Akta, hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan apa-apa premium dari jenis yang dibenarkan di bawah seksyen 33 Akta yang kena dibayar berkenaan dengan insurans kredit eksport yang diambil insurans dengan suatu syarikat yang telah diluluskan oleh Menteri.

**P.U.(A) 27/95**



M A L A Y S I A

Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 39  
No. 2

26hb Januari 1995

TAMBAHAN No. 7  
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 27.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL JALAN, PARIT DAN BANGUNAN  
(MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN)  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR)  
(PINDAAN) 1995

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, *Akta 133*. Parit dan Bangunan 1974, Menteri membuat undang-undang kecil yang berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Jalan, Parit dan Bangunan (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 1995** dan hendaklah terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Nama dan pemakaian.
2. Undang-undang Kecil Jalan, Parit dan Bangunan (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1985 adalah dipindah dalam subperenggan 3(1)(a) dengan memotong perkataan “jumlah wang yang sama dengan lima puluh peratus daripada”. Pindaan undang-undang kecil 3. P.U. (A) 525/85.

Dibuat pada 21hb November 1994.  
[JHEU 2/47/82; PN. (PU<sup>2</sup>) 252/IV.]

DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,  
*Perdana Menteri*

## STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

STREET, DRAINAGE AND BUILDING  
(COMPOUNDING OF OFFENCES)  
(FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR)  
(AMENDMENT) BY-LAWS 1995

*Act 133.*

Citation and application.

Amendment of by-law 3.  
P.U. (A)  
525/85.

IN exercise of the powers conferred by section 133 of the Street, Drainage and Building Act 1974, the Minister makes the following by-laws:

1. These by-laws may be cited as the **Street, Drainage and Building (Compounding of Offences) (Federal Territory of Kuala Lumpur) (Amendment) By-Laws 1995** and shall apply only to the Federal Territory of Kuala Lumpur.
2. The Street, Drainage and Building (Compounding of Offences) (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-Laws 1985 is amended in subparagraph 3(1)(a) by deleting the words "a sum equal to fifty percentum of".

Made the 21st November 1994.  
[JHEU 2/47/82; PN. (PU<sup>2</sup>) 252/IV.]

DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,  
*Prime Minister*

## P.U. (A) 28.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KERAJAAN TEMPATAN (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN) (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 1995

*Akta 171.*

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan pemakaian.

Pindaan peruntukan memperbuat undang-undang.  
P.U. (A)  
241/86.

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 1995** dan hendaklah terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
2. Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1986, yang disebut "Undang-Undang Kecil ibu" dalam Undang-Undang Kecil ini, adalah dipinda dalam peruntukan memperbuat undang-undang dengan menggantikan perkataan "Menteri membuat undang-undang kecil yang berikut" dengan perkataan "Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut".